

# Pengisian kuota ikut keadaan semasa

BH - 8 MAY 2001

Oleh Hassan Omar dan Siti Zauyah Saedon

SINTOK, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berka-ta cadangan kelonggaran kuota Bumiputera di ins-tituti pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan untuk diisi pelajar bukan Bumiputera adalah berda-sarkan keadaan semasa.

Katanya, jumlah kuota kemasukan pelajar ke IPTA setiap tahun pelajar Bumi-putera dan bukan Bumi-putera adalah sama teta-pi sekiranya pada tahun itu kuota bilangan Bumiputera tidak dipenuhi, maka pe-lajar bukan Bumiputera mungkin dibenarkan mengisi kekosongan kuota itu.

Sebaliknya, kuota berke-naan akan diberikan kem-bali kepada pelajar Bumi-

Kerajaan perlu meneliti jumlah kekosongan kuota itu secara lebih terperinci kerana setakat ini ia hanya diperkatakan tanpa mengetahui jumlah sebenar

putera tahun depan jika ia mampu dipenuhi pelajar Bumiputera, kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu meneliti jumlah kekosongan kuota itu secara lebih terperinci kerana setakat ini ia hanya diperkatakan tanpa mengetahui jumlah sebenar.

"Kita tidak boleh tutup (IPTA kepada pelajar bu-kan Bumiputera) jika pe-

lajar Bumiputera tidak mampu mengisi kuota un-tuk mereka. Kemudahan disediakan untuk pelajar dan kita harus memenu-hinya.

"Kita harus memberikan peluang kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian. Bagaimanapun, sesetengah daripada me-reka seolah-olah tidak berminat (dan) mereka ti-dak boleh kata tidak ke-pada mereka yang lain.

"Tahun depan ada ba-nyak kuota lagi. Kita bagi kepada yang boleh isi. Ini untuk tahun ini saja, ta-hun depan lain," katanya selepas dialog tertutup dengan pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Institusi Pengajian Ting-gi Awam (IPTA) di Uni-versiti Utara Malaysia (UUM) di sini, hari ini.

Program sulung anjuran Sekretariat Timbalan Naib Canselor dengan kerja-

sama Biro Tatanegara (BTN) itu dihadiri 211 pe-mimpin MPP dari IPTA seluruh negara.

Ditanya mengenai cada-ngan parti Gerakan supa-ya pelajar bukan Bumi-putera diberikan peluang melanjutkan pengajian ke Universiti Teknologi Mara (UITM), beliau berkata, pelajar Bumiputera harus diberikan peluang yang lebih dalam bidang pen-didikan kerana pencapa-

ian mereka ketinggalan agak jauh berbanding pe-lajar bukan Bumiputera.

"Kita sering menerima fakta bahawa berdasar-ngan kelemahan Bumi-putera, layanan khas harus diberikan kepada mere-ka.

"Di negara ini, kita me-nerima keperluan untuk memberikan peluang khas kepada Bumiputera," ka-tanya.

Mengenai dialog itu, Dr

Mahathir berkata, pelba-gai soalan yang dikemu-kakan pelajar mempamer-kan pendapat mereka yang tidak jauh berbeza dengan pendapat kera-jaan.

Bagaimanapun, kata-nya, kerajaan perlu men-cari kaedah sesuai mera-patkan jurang perbezaan pendapat generasi golo-ngan muda dengan golo-ngan yang lebih tua da-ripada mereka.